

PENENTUAN KERANGKA HAD KIFAYAH NEGERI PULAU PINANG: PANDANGAN FUQAHA TERHADAP ELEMEN HAD AL-KIFAYAH

DETERMINING THE PENANG STATE KIFAYAH LIMIT FRAMEWORK: THE OPINION OF FUQAHA ON THE ELEMENTS OF AL-KIFAYAH LIMIT

Muhammad¹
*Hisyam¹
Dahlan²
Saiful Nizam³
Ahmad Zia⁴
'Imaaduddin¹

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara Cawangan Pulau Pinang, Pulau Pinang, Malaysia (E-mail: muhammad247@uitm.edu.my)

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara Cawangan Pulau Pinang, Pulau Pinang, Malaysia (E-mail: hisyamr@uitm.edu.my)

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara Cawangan Pulau Pinang, Pulau Pinang, Malaysia (E-mail: imaaduddin@uitm.edu.my)

² Fakulti Pengurusan Hotel Dan Pelancongan, Universiti Teknologi Mara Cawangan Pulau Pinang, Pulau Pinang, Malaysia (E-mail: dahla707@uitm.edu.my)

³ Jabatan Sains Komputer Dan Matematik, Universiti Teknologi Mara Cawangan Pulau Pinang, Pulau Pinang, Malaysia (E-mail: saifulwar@uitm.edu.my)

⁴ Fakulti Sains Komputer Dan Matematik, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia (E-mail: ahmadzia101@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 21-12-2022
Revised date : 22-12-2022
Accepted date : 15-2-2023
Published date : 30-3-2023

To cite this document:

Muhammad, Hisyam, Dahlan, Saiful Nizam, Ahmad Zia & 'Imaaduddin (2023). Penentuan Kerangka Had Kifayah Negeri Pulau Pinang: Pandangan Fuqaha Terhadap Elemen Had Al-Kifayah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (52), 8 - 20.

Abstrak: Had kifayah merupakan instrumen utama dalam meletakkan penilaian pada sesuatu permohonan zakat. Had kifayah juga merupakan bukti kelayakan bagi sesuatu permohonan untuk asnaf zakat. Berdasarkan kepada situasi ekonomi pada hari ini, had kifayah memerlukan semakan yang bersifat berkala memandangkan keadaan semasa cara hidup masyarakat. Kajian ini bertujuan untuk membincangkan pandangan para fuqaha dan mengenalpasti elemen had kifayah bagi setiap parameter dalam menentukan kadar bagi setiap parameter had kifayah. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini melibatkan pendekatan kajian kepustakaan. Dapatan kajian mendapati perlunya dilaksanakan penetapan semula had al-kifayah supaya ia sentiasa relevan dan realistik dengan ekonomi semasa di samping untuk membolehkan lebih ramai asnaf di negeri Pulau Pinang mampu mendapat manfaat hasil daripada kadar baru ini.

Kata kunci: Penentuan, Had Kifayah, Pandangan Fuqaha, Elemen al-Had Kifayah

Abstract: *The kifayah limit is the subsistence criteria in placing an assessment on a zakat application. The kifayah limit is also proof of eligibility for an application for asnaf zakat. Based on the economic situation today, it's requires a periodic review considering the current state of the community's way of life. This study aims to discuss the views of jurists and identify the elements of the kifayah limit for each parameter in determining the rate for each parameter of the kifayah limit. The methodology used in this study involves a literature review approach. The findings of the study found that a review of the al-kifayah limit needs to be carried out so that it is always relevant to the current economy in addition to the effect allowing more asnaf in the state of Penang to be able to benefit from this new rate.*

Keywords: Determination, Limit Kifayah, Jurisprudence Opinion, Elements of al-Had Kifayah

Pendahuluan

Zakat merupakan elemen penting dalam berperanan sebagai mekanisma ibadat kewangan yang melibatkan hak-hak keselamatan dan bantuan sosial, pendidikan, pengangkutan, subsidi kewangan, penjagaan kesihatan dan perumahan. Perkembangan masa kini menunjukkan bahawa jumlah kutipan dan agihan zakat semakin meningkat setiap tahun. Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa keyakinan masyarakat Islam terhadap institusi zakat semakin meningkat.

Namun cabaran semasa yang melibatkan persepsi yang digarap melalui media sosial memberi impak terhadap institusi zakat. Justeru pihak pengurusan zakat perlu bersikap proaktif dalam pengurusan zakat sama ada ia melibatkan proses kutipan dan juga agihan. Antara usaha memperkasakan pengurusan zakat ini, pihak penyelidik telah memfokuskan kepada kajian berkaitan had al-kifayah. Ini bagi menangani persepsi negatif yang mencemarkan institusi zakat khususnya Zakat Pulau Pinang.

Had Kifayah merupakan suatu garisan kecukupan bagi seseorang individu atau bagi sesebuah keluarga. Dalam konteks kajian ini, had al-kifayah merujuk kepada suatu garisan, had atau kadar keperluan asas minimum yang ditetapkan oleh Lembaga Zakat berdasarkan kos sara hidup masa kini. Had ini juga digunakan bagi mengetahui berapakah kadar yang perlu dibantu untuk menepati kecukupan perbelanjaan asasi. Pusat zakat negeri memainkan peranan penting dalam menentukan kelayakan pemohon zakat. Penentuan kaedah kelayakan perlulah diteliti dan perlu mempunyai satu sistem yang tersusun. Kaedah pengiraan had al-kifayah adalah instrumen yang diguna pakai dalam penilaian permohonan zakat. Hasil pengiraan had al-kifayah dapat memutuskan sama ada pemohon layak atau sebaliknya. Pihak penyelidik mendapati, kajian had al-kifayah kali terakhir bagi negeri Pulau Pinang dilakukan adalah pada tahun 2003. Melihat kepada faktor ekonomi semasa, kajian semula had al-kifayah perlu dilakukan dengan kadar segera supaya had al-kifayah sentiasa relevan dengan ekonomi semasa.

Pernyataan Masalah

Ukuran kemiskinan sebenarnya adalah berbeza mengikut tempat, keadaan dan masa. Melihat perspektif di Malaysia, pusat zakat negeri menggunakan had al-kifayah sebagai kayu ukur kemiskinan manakala kaedah paras garis kemiskinan (PGK) digunakan oleh Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (UPE, 2019). Walau bagaimanapun, kajian had al-kifayah harus dilakukan secara berterusan bagi memastikan kadar had al-kifayah sentiasa relevan dengan ekonomi semasa. Tambahan pula, isu kemiskinan ini juga antara agenda utama

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dalam belanjawan 2023 (Bernama, 2023).

Sebagai contoh, (Bhari et al., 2018) menyatakan kadar bayaran bulanan rumah atau rumah sewa jauh lebih tinggi daripada kadar yang ditetapkan oleh pusat zakat negeri. Contohnya sebuah rumah teres 3 bilik berharga RM160,000 di kawasan luar bandar (mungkin di Hulu Perak), pembeli perlu membayar sekurang-kurangnya RM1000 sebulan. Sedangkan pusat zakat Perak hanya menetapkan RM312.00 sebulan bagi rumah berbayar.

Berdasarkan hasil kajian di atas, penyelidik melihat bahawa risiko sebegini juga boleh berlaku dalam PZN yang lain khususnya di Pulau Pinang. Justeru, kajian semak semula had al-kifayah Pulau Pinang perlu dilaksanakan agar mampu memberi manfaat kepada golongan asnaf di Pulau Pinang. Berdasarkan perbincangan bersama wakil dari Zakat Pulau Pinang (ZPP), kajian terakhir berkaitan had kifayah adalah pada tahun 2003. Maklumat yang diperolehi juga mendapati bahawa tiada satu manual khusus berkaitan pengiraan had al-kifayah yang boleh dijadikan rujukan bagi mengira semula had al-kifayah.

Metodologi Penyelidikan

Secara ringkasnya, kaedah penyelidikan ini melalui dua proses utama iaitu proses pengumpulan data dan proses analisis data. Kaedah pengumpulan data ini merujuk kepada kajian kualitatif berdasarkan tinjauan literatur. Dalam kajian bibliografi ini, pengkaji banyak bergantung kepada sumber buku, tesis sarjana, artikel dan bahan bertulis yang sesuai yang berkaitan dengan had kifayah.

Metod Analisis Data

Pada peringkat ini, penyelidik menggunakan metod induktif dan deduktif. Metod induktif ini bertujuan mencari satu kesimpulan umum bagi sesuatu permasalahan yang berlaku melalui pengkajian data-data yang bersifat khusus (Ghazī Ḥusayn Ināyah, 1990). Menerusi metod induktif, satu kesimpulan boleh dibuat bahawa jika faktor yang sama berlaku, maka implikasi yang sama akan terhasil. Metod deduktif pula penyelidik boleh menyimpulkan bahawa masalah-masalah pada masa kini boleh berulang pada masa yang akan datang dan keadaan mungkin menjadi bertambah buruk jika masalah ini tidak ditangani dengan cara yang berkesan. Menerusi metod ini, penyelidik boleh membuktikan bahawa keperluan membina model bagi menangani permasalahan yang berlaku adalah signifikan dan sangat diperlukan.

Dapatan Kajian

Perbincangan Fuqaha Berkaitan Had al-Kifayah

Had al-Kifayah merupakan suatu perkara yang tiada ketetapan khusus dari sudut syara'. Hal ini dinyatakan oleh Yusof al-Qaradhawi dalam kajian beliau dan begitu juga al-Imam Malik menyatakan bahawa perbincangan had al-kifayah bersifat terbuka kepada kajian yang lebih mendalam kerana ia melibatkan uruf had semasa yang sepatutnya dalam sesebuah masyarakat.

Hakikat uruf ini disandarkan kepada salah satu dalil dari al-Quran dari surah al-Baqarah ayat 233:

'dan kewajiban bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya.'

Berkaitan ayat ini, Ibn Kathir menyatakan bahawa ayah kepada anak yang dilahirkan hendaklah memberi nafkah dan pakaian kepada para ibu dengan secukupnya yang secukupnya yang mengikut kebiasaan negerinya tanpa berlebih-lebihan atau berkurangan berdasarkan kemampuannya. Jadual 1 merupakan pandangan fuqaha secara umum berkaitan penentuan had al-kifayah:

Jadual 1: Pandangan Fuqaha secara umum berkaitan penentuan kadar had al-kifayah

Bil.	Mazhab	Pandangan
1	Jumhur Syafie, Maliki & Ahmad	Tidak menentukan kadar had al-kifayah. Sebaliknya ia ditentukan oleh 'uruf sesuatu tempat atau masa.
2	Hanafi	Ditentukan dengan pemilikan nisab dan tidak ditentukan oleh 'uruf.

Justeru, antara aspek penting dalam pengurusan zakat adalah penentuan had kifayah atau purata garis kemiskinan zakat. Had kifayah ini perlulah disemak secara berkala agar ia kekal relevan sesuai dengan peningkatan kos sara hidup, jumlah pendapatan dan ekonomi setempat. Selain itu had kifayah juga perlu mengambil kira perbezaan antara kos sara hidup bandar, luar bandar dan kampung. Menurut laporan bank pembangunan dunia, sejumlah 495 juta golongan miskin bandar pada tahun 2010. Menurut Azman Abdul Rahman, model had kifayah boleh diwujudkan dengan mengkategorikan item keperluan asasi kepada item daruriyat, item keperluan tambahan kepada item hajiyyat dan item pelengkap kepada tahsiniyyat (Azman et al., 2017).

Pandangan Fuqaha Dalam Penentuan Elemen Had al-Kifayah

Para fuqaha berbeza pandangan dalam penetapan parameter bagi menilai kadar al-Kifayah. Jumhur fuqaha bersepakat bahawa parameter makanan, pakaian dan tempat tinggal merupakan tiga parameter daruriyat bagi al-kifayah, manakala selain daripada tiga parameter ini telah menjadi perselisihan antara mereka sama ada diterima sebagai parameter daruriyat al-kifayah atau tidak. Perbahasan ini berlaku disebabkan ia menjadi persoalan dari sudut sama ada ia menjadi keperluan asasi atau sebaliknya. Jadual 2 menunjukkan ringkasan pandangan fuqaha berkaitan parameter had-al-kifayah (Opir, n.d.).

Jadual 2: Ringkasan pandangan mazhab berkaitan parameter had al-kifayah

Bil.	Mazhab	Pandangan	Rujukan
1	Al-Hanafiah	a) Kelengkapan peperangan, peralatan pekerjaan, perabot rumah, binatang tunggangan dan buku-buku ilmiah termasuk dalam aspek al-kifayah yang perlu diambil kira	al-Bahr al-Ra'iq
		b) Khadam (pembantu rumah) juga termasuk dalam aspek al-kifayah	al-Fatawa al-Hindiyah
		c) Pinggan mangkuk serta cawan yang menjadi keperluan untuk makan dan minum juga termasuk dalam aspek al-kifayah	Ibn 'Abidin dalam Radd al-Muhtar

2	Al-Malikiah	a)	Khadam (pembantu rumah) sebagai aspek yang diambil kira bagi al-Kifayah	Al-Mudawwanah al-Kubra
3	Al-Shafi'iah	a)	Ubat dan bayaran rawatan kepada doktor perubatan termasuk dalam aspek al-Kifayah	al-Nawawi dalam Raudhah al-Tolibin al-Mudawwanah
		b)	Buku-buku ilmiah dalam sesuatu bidang walaupun ilmu fardhu kifayah ke dalam aspek al-kifayah	al-Sharbini dalam Mughni al-Muhtaj
		c)	Nikah termasuk dalam aspek yang menyempurnakan al-kifayah	al-Sharbini dalam Mughni al-Muhtaj
		d)	perabot rumah dan buku-buku ilmiah sebagai aspek al-kifayah	
4	Al-Hanabilah	a)	Buku-buku ilmiah dan barang perhiasan wanita adalah termasuk dalam aspek al-kifayah	Ibn Qudamah dalam al-Mughni

Elemen Had al-Kifayah

Elemen had kifayah ini diperolehi daripada penelitian penulis secara khusus terhadap beberapa kitab fiqh yang utama, antara elemen-elemen tersebut ialah:

Pakaian

Aspek pakaian yang dibincangkan oleh para fuqaha ia tidak hanya tertakluk kepada pakaian yang menutup aurat sahaja bahkan ia juga menitik beratkan pakaian musim sejuk, musim panas dan juga untuk berhias. Sebahagian fuqaha Syafi'iyah berpandangan, walaupun asnaf tersebut mempunyai rumah atau pakaian yang cantik, perkara tersebut tidak menghalang untuk diberi bantuan kepadanya kerana ia merupakan keperluan baginya. Begitu juga tentang berbilang pakaian atas tujuan berhias untuk digunakan beberapa hari dalam setahun. Pandangan yang sama oleh fuqaha Hanafi dan fuqaha Hanabilah.

Makanan dan Minuman

Makanan dan minuman merupakan parameter yang sememangnya telah disepakati oleh fuqaha berdasarkan hadith Nabi SAW. Walau bagaimanapun berkenaan penetapan kadar bagi makanan dan minuman tersebut telah menjadi khilaf di kalangan fuqaha. Sebagai contoh al-Ghazali dari fuqaha Syafi'iyah memberi pandangan memadai had- kifayah dengan penetapan minima makanan dan minuman untuk sehari semalam dengan kadar satu *mud* makanan asasi (bijirin) sekalipun barli, adapun makanan tambahan (yang dimakan bersama makanan asasi) tidak boleh diberi secara berterusan tetapi diberi *rukhsah* dalam sesetengah keadaan sahaja.

Pandangan ini terdapat perbahasan memandangkan dalil yang digunakan ia dirujuk dari hadith riwayat dari Osman bin Affan r.a., bahawa Nabi S.A.W. bersabda; Tiadalah hak bagi anak adam selain perkara ini, rumah yang didiaminya, pakaian yang menutupi auratnya dan roti kosong serta air (al-Tirmizi. Sunan al-Tirmizi. Jld. 4. Hlm. 150). Hadith ini mempunyai perbahasan di kalangan ahli hadith berkaitan status kesahihannya. Begitu juga sebuah hadith yang lain

Bahawa sesiapa yang meminta sedangkan dia mempunyai apa yang diperlukannya, maka sesungguhnya dia memperbanyakkan *jamr* neraka jahanam. Maka ditanya Nabi S.A.W. tentang apakah yang dimaksudkan dengan mempunyai apa yang diperlukannya. Lalu Nabi S.A.W. bersabda: Sesuatu untuk dimakan sewaktu tengahari dan malam (Ahmad, t.th.). Al-Baghawi menyebut sebahagian ulama telah menasakhkan hadith ini.

Kesimpulannya, parameter makanan ini ia bergantung kepada uruf setempat dan perlu melihat kepada kesesuaian had al-kifayah. Ia perlu dilihat pada kadar pertengahan yang diambil oleh manusia pada ketika itu.

Tempat Tinggal dan Kelengkapan Rumah

Tempat tinggal merupakan salah satu dari tiga parameter yang tidak diperselisihkan oleh semua fuqaha. Ramai dikalangan fuqaha mengemukakan pendapat bahawa golongan fakir memiliki tempat tinggal dan bukan menyewa. Menurut al-Kasani: Tidak mengapa untuk memberi zakat kepada orang yang mempunyai tempat tinggal dan barangan untuk kelengkapan rumahnya (Al-Kasani, 1986).

Ibn Salam berkata: “Semua *athar* menjadi dalil bahawa jumlah yang disalurkan kepada orang yang berhajat kepada zakat tidak menjadi penghalang ke atas orang Islam untuk memberi kepadanya, selama mana pemberi tidak berhutang, tetapi pemberian atas dasar kasih sayang dan kelebihan. Apabila itu dilakukan mengikut pandangan pemberi, tanpa sebarang pilih kasih dan mengikut telunjuk nafsu, seperti seorang lelaki melihat satu keluarga muslim yang baik berada dalam kemiskinan dan kefakiran, sedangkan dia mempunyai harta yang banyak, sedangkan keluarga tersebut tiada tempat tinggal untuk berlindung dan menutup aib mereka, lalu dia membeli dari zakat hartanya sebuah rumah sebagai tempat berlindung dari kesejukan musim sejuk dan kepanasan matahari ...”(Salam, n.d.). Sebagai contoh, pihak berkuasa Hal Ehwal Islam dan Kebajikan Dubai telah mengharuskan pembinaan rumah-rumah orang fakir dan miskin dari harta zakat apabila ada kemampuan untuk itu.

Kuda

Nabi S.A.W. bersabda: Peminta zakat mempunyai hak sekalipun dia datang berkuda (Abu Daud, 2009), sesetengah fuqaha berpendapat bahawa pemilikan haiwan tidak menghalangnya dari diberikan zakat, kerana ia merupakan sebahagian dari keperluan asasinya.

Kitab

Para fuqaha tidak menghadkan kita-kitab hanya kepada kitab agama sahaja. Begitulah pandangan dari al-Ramly (al-Ramly, 1984) dan al-Kasani. Sekiranya dia terlibat dalam bidang sains, makai a layak untuk menggunakan wang zakat bagi urusan pembelian kitab tersebut (Al-Kasani, 1986).

Alat Pertukangan dan Kemahiran

Menurut fuqaha di kalangan Hanafiah menggolongkannya dalam keperluan asasi. Ibn Abidin berkata: Keperluan asasi ialah perkara yang menghalang kecelakaan dari manusia secara hakiki seperti nafkah, tempat tinggal, alat peperangan, pakaian yang diperlukan untuk mengelak panas atau sejuk atau keperluan secara taqdiri seperti hutang, sesungguhnya pemiutang perlu membayar hutangnya dengan harta yang ada ditangannya untuk mengelak dari ditahan yang diumpamakan seperti kecelakaan sepertimana juga alat-alat pertukangan (Ibn Abidin, 1992).

Nikah

Fuqaha Malikiyah dan Shafiiyah telah memberi keharusan pemberian zakat kepada orang fakir untuk bernikah sekiranya dia berhajat kepadanya. Al-Ramly berkata: Sekiranya ada keperluan untuk bernikah sedangkan dia tiada harta bersamanya maka boleh diberi mengikut keperluan perbelanjaannya (al-Ramly, 1984). Al- Dasuqi berkata: ...bahawa anak yatim (perempuan) diberi wang zakat mengikut keperluannya dari keperluan-keperluan nikah.

Elemen-elemen Terkini dan Kesesuaiannya dengan Had al-Kifayah

Had al-kifayah merupakan perkara ijtihad sama ada parameter mahupun item yang terdapat di dalamnya. Hal ini adalah disebabkan penentuan had al-kifayah ia bergantung kepada uruf. Ketika uruf telah berubah maka keperluan kepada sesuatu barangan juga akan berlaku perubahan. Suatu masa dahulu, barang yang dikategorikan sebagai tahsiniyat, pada ketika ini sudahpun menjadi daruriyat. Berikut merupakan parameter terkini yang boleh dikategorikan dalam daruriyat:

Perawatan dan Perubatan

Sepertimana yang dibentangkan dalam pandangan fuqaha pada perbincangan sebelum ini, aspek pendidikan merupakan satu parameter yang telah dikenalpasti sebagai elemen daruriyat, para fuqaha juga tidak membataskan hanya kepada pendidikan agama bahkan ia meliputi setiap aliran pendidikan, termasuklah perubatan. Al-Ramly daripada fuqaha al-Shafiiyyah mengisytiharkan bahawa doktor apabila memerlukan buku perubatan atau alat-alat perubatan untuk merawat manusia, maka dia tidak perlu membelinya tetapi dibeli menggunakan wang zakat (al-Ramly, 1984). Sekiranya kita melihat aspek pendidikan, ia terkait dengan maqasid dalam menjaga akal, seandainya perlu dibandingkan dengan peruntukan rawatan ia lebih diberi penekanan kerana ia melibatkan penjagaan nyawa. Justeru, memberi zakat untuk mendapat rawatan tidak syak lagi merupakan satu keperluan untuk menjaga diri manusia. Sekiranya hospital kerajaan tidak mencukupi untuk mendapat rawatan secara percuma, dan ada keperluan untuk orang fakir mendapat rawatan untuk dirinya atau keluarganya di hospital swasta, maka diharuskan untuk memberinya wang zakat mengikut keperluannya untuk mendapat rawatan. Beberapa orang ulama semasa juga mengharuskan perkara ini seperti Ibn Jabirin dan Majlis Fatwa Jordan.

Pendidikan di Sekolah dan Universiti

Pendidikan pada hari ini menjadi satu kemestian, kebanyakan negara telah menjadikan pendidikan sebelum peringkat universiti sebagai suatu keutamaan kerana pendidikan adalah asas pembangunan masyarakat dan kemajuan umat. Sungguhpun begitu, kita mendapati terdapat sesetengah fuqaha terdahulu dan sesetengah fuqaha semasa yang mengehaskan pendidikan dalam konteks pendidikan agama sahaja. Ibn Jabirin telah berpendapat bahawa pendidikan adalah satu kewajipan orang Islam, kerana dengannya dia dapat memahami agamanya dan menunaikan ibadat serta menjauhkan perkara haram, sedangkan jika dia jahil maka tidak diterima ibadatnya dan menghasilkan banyak kerosakan. Sekiranya tiada sekolah kerajaan yang menyediakan pendidikan secara percuma maka boleh dibelanjakan kepada fakir daripada harta zakat untuk pendidikan asas, adapun mempelajari ilmu-ilmu alat seperti kejuruteraan atau tukang pulih maka tidak boleh diambil dari harta zakat sekalipun mereka fakir, kerana tiada keperluan darurat untuk ilmu-ilmu seumpama itu.

Tetapi disana ada fuqaha lain yang berpendapat boleh diberi kepada penuntut ilmu dari harta zakat tanpa melihat kepada bidang pendidikannya sama ada ilmu agama atau bukan ilmu agama, dengan syarat pelajar tersebut tidak mampu untuk bekerja dan belajar, sekiranya dia

mampu melakukan kedua-duanya maka tidak layak diberi zakat, selain itu disyaratkan juga pendidikan itu bukan percuma dan pemberian itu tidak melampau atau membazir, selain itu dikhususkan pemberian itu kepada pelajar terpilih (cerdik). Adapun yang tidak berkelayakan untuk masuk universiti maka boleh diberikan zakat untuk pendidikan kemahiran sekiranya tiada pendidikan percuma dan dia tidak mampu membiayai yuran pendidikannya (Ibn Abd al-Bar, 1387).

Kereta

Sebelum ini pernah dikatakan bahawa pemilik kuda tidak ditegah dari menerima zakat; al-Qurtubi menyatakan: Sesungguhnya kuda yang sangat diperlukan oleh pemiliknya sebagai satu keperluan, sedangkan dia tidak mampu untuk mengurus kehidupannya sendiri, maka pemilikan kuda itu tidak mengeluarkannya daripada garis kefakiran dan tidak memasukkannya ke dalam golongan orang kaya yang tidak boleh menerima zakat .

Adapun pada waktu ini, pemilikan kereta dianggap satu keperluan di sesetengah negara dan sesetengah keadaan, manakala di sesetengah negara dan keadaan yang lain dianggap sebagai satu kemewahan. Sekiranya jaringan perhubungan dan kenderaan awam yang banyak dan mudah maka tidak harus membeli kenderaan dengan harta zakat, akan tetapi jika kenderaan awam tidak mencukupi atau susah untuk memperolehnya seperti individu yang mempunyai anak-anak yang belajar di sekolah dan universiti yang berlainan, sedangkan dia perlu menghantar mereka, maka pemilikan kenderaan adalah sesuatu yang mesti baginya, bahkan memiliki kereta lebih menjimatkan berbanding menaiki kenderaan awam jika dikira perbelanjaan setahun, maka pada ketika itu diharuskan membeli kereta tanpa ada unsur pembaziran dan pemborosan.

Alat Komunikasi

Telefon pada masa dahulu dianggap sebagai perkara sampingan (penyempurnaan), adapun pada hari ini telefon tangan dianggap sebagai satu kemestian dan jarang didapati manusia yang tidak memilikinya pada hari ini. Kebanyakan Negara juga menggunakan jaringan komunikasi ini dalam urusan kerajaan dan perhubungan dengan pelanggan mereka dari pelbagai lapisan. Sekiranya fuqaha silam tidak menegah orang fakir dari memiliki khadam (pembantu), dimana kewujudannya tidak menghalang dari menerima zakat, maka telefon tangan pada hari ini merupakan keperluan asasi, tidak menjadi satu kesalahan untuk memberi orang fakir perkhidmatan yang membolehkannya menggunakan alat telekomunikasi dengan syarat pada kadar yang sepatutnya, harga yang berpatutan dan tidak mahal serta menawarkan perkhidmatan yang munasabah.

Peralatan Komputer dan Laptop

Pada zaman ledakan maklumat hari ini kita mendapati jarang rumah yang tidak mempunyai computer yang merupakan alat asas untuk berhubung, bekerja dan belajar. Maka boleh dikatakan harus untuk mengeluarkan zakat bagi membeli computer kepada individu yang memerlukannya untuk bekerja atau belajar dengan menqiaskannya ke atas alat-alat pekerjaan yang disebutkan oleh fuqaha silam. Begitu juga diharuskan pembelian pengimbas (*scanner*) sekiranya pekerjaannya memerlukan alat tersebut. Kesemua itu dengan syarat tiada pihak lain yang menyediakan perkhidmatan tersebut secara percuma seperti pembekalan komputer secara percuma kepada sekolah untuk tujuan pembelajaran.

Peralatan Rumah

Banyak peralatan rumah diperlukan pada hari ini seperti peti sejuk, mesin basuh, televisyen, dvd, permainan kanak-kanak dan seumpamanya yang mana pada zaman dahulu dianggap sebagai harta mewah, tetapi pada hari ini ia menjadi satu keperluan asasi seperti penyaman udara, peti sejuk dan mesin basuh, kesemua ini boleh dibeli daripada duit zakat.

Adapun peralatan lain yang dianggap sebagai hiburan seperti televisyen dan video yang dianggap oleh masyarakat sebagai satu keperluan dan memberi faedah jika digunakan dengan cara yang baik. Begitu juga halnya dengan permainan kanak-kanak yang dianggap sebagai satu keperluan untuk membentuk jiwa dan keperibadiannya. Jika ia menjadi satu kebiasaan di kalangan masyarakat untuk mempunyai keperluan tersebut, maka tiada sebab untuk menghalang orang-orang fakir daripadanya, maka diharuskan membayar zakat untuk memperolehnya, dengan syarat pada kadar bersederhana, tidak membazir dan tidak digunakan untuk tujuan maksiat. Telah dinyatakan bahawa para fuqaha telah mengharuskan pemberian zakat kepada orang fakir dengan tujuan untuk membeli peralatan rumah (Al-Bal'amash, n.d.).

Perbezaan Had al-Kifayah Negeri

Menurut kajian daripada Fidlizan Muhammad, Had Kifayah di Malaysia ditetapkan dengan menggunakan Perbelanjaan Keperluan Asas (PKA) dan telah di tetapkan mengikut MAIN bagi negeri masing-masing (Muhammad, Awang, Mohd Hussin, & Mohamed, 2017). Jumlah zakat pendapatan bagi negeri-negeri di Malaysia adalah berbeza-beza disebabkan ketetapan PKA yang berlainan. Negeri Selangor dan Kuala Lumpur merupakan antara negeri yang mencatatkan amaun kutipan daripada punca zakat pendapatan yang tertinggi di Malaysia. Keadaan tersebut relevan didorong oleh faktor kepesatan ekonomi, perbandaran, peluang pekerjaan dan pertumbuhan penduduk yang tinggi dari kedua-dua negeri berkenaan. (Rostam, 2006) Walaupun negeri-negeri lain menunjukkan angka kutipan yang kecil, namun penelitian secara mikro mengikut negeri menunjukkan nisbah kutipan zakat pendapatan yang diterima oleh MAIN adalah antara 40 hingga 75 peratus daripada jumlah kutipan zakat tahunan.

Jenis PKA umumnya sama bagi kesemua negeri terutama perbelanjaan bagi diri sendiri, isteri dan anak. Namun, terdapat beberapa perbezaan yang ketara iaitu permbertian kepada ibu bapa yang tidak di senaraikan pada kalkulator zakat bagi negeri Selangor dan Kedah, manakala caruman pekerja di KWSP dan simpanan di institusi kewangan Islam pula tidak disenaraikan pada kalkulator zakat di Kedah dan Johor. Terdapat juga beberapa jenis PKA atau aspek had kifayah yang hanya dilaksana di beberapa buah negeri sahaja seperti perbelanjaan untuk rawatan kronik di Selangor dan Johor, perbelanjaan untuk rumah dan kenderaan pula di Perlis, perbelanjaan untuk alat komunikasi di Selangor dan perbelanjaan moden di Kuala Lumpur. Bagi perbelanjaan untuk anak, penetapan perbelanjaan di lima buah MAIN adalah berbeza iaitu Selangor, Perak, Negeri Sembilan, Kelantan dan Pahang. Tiga buah negeri iaitu Perak, Negeri Sembilan dan Kelantan didapati mengkategorikan perbelanjaan anak kepada dua bahagian berdasarkan tahap pengajian tinggi. Berbeza pula di Pahang yang mengkategorikan kepada dua bahagian berdasarkan umur anak sama ada kurang atau lebih dari 6 tahun.

Perbezaan had kifayah ini adalah disebabkan kemajuan sesuatu kawasan di mana kebiasaannya kawasan luar bandar mempunyai kos sara hidup yang rendah, manakala kos sara hidup bagi kawasan bandar adalah tinggi. Kos berkaitan perbelanjaan untuk rumah sebagai contoh merupakan antara kos yang signifikan berbeza-beza antara negeri. Namun, perbezaan dalam perbelanjaan lain seperti makanan, tanggungan, pendidikan dan perubatan pula adalah minima. Penambahan elemen perbelanjaan baharu yang hanya dilaksana oleh beberapa negeri

menimbulkan lebih banyak isu berkaitan konsep penyucian atau tazkiyyah terhadap pendapatan seseorang itu. Perbezaan ini menimbulkan ruang kepada keperluan kajian lebih lanjut dalam menentukan had kifayah bagi negeri Pulau Pinang.

Jadual 3 hingga Jadual 6 memaparkan perbandingan had kifayah mengikut parameter yang melibatkan Pusat Zakat Negeri (PZN) bagi beberapa negeri di Malaysia (Bhari et al., 2018):

Jadual 3: Parameter Perlindungan dan Pengangkutan

Bil.	Negeri	Perlindungan (RM)				Pengangkutan (RM)	
		Bandar		Luar Bandar		Berbayar	Percuma
		Berbayar	Percuma	Berbayar	Percuma		
1	Johor	400.00	400.00	300.00	300.00	165.00	165.00
2	Kedah	180.00	30.00	180.00	30.00	165.00	165.00
3	Melaka	-	-	-	-	-	-
4	Perak	312.00	60.00	234.00	36.00	390.00	241.00
5	Penang	200.00	40.00	200.00	40.00	180.00	180.00
6	Sabah	350.00	350.00	300.00	300.00	290.00	155.00
7	Selangor	480.00	155.00	350.00	150.00	400.00	340.00
9	Wilayah Persekutuan	550.00	100.00	-	-	380.00	380.00

Jadual 4: Parameter Makanan dan Pakaian

Bil.	Negeri	Makanan (RM)		Pakaian (RM)	
		Bandar		Luar Bandar	
		Bandar	Luar Bandar	Bandar	Luar Bandar
1	Johor	800.00	800.00	170.00	170.00
2	Kedah	285.00	285.00	80.00	80.00
3	Melaka	-	-	-	-
4	Perak	337.40	270.00	180.00	89.40
5	Penang	330.00	-	80.00	-
6	Sabah	590.00	500.00	240.00	140.00
7	Selangor	750.00	700.00	210.00	120.00
9	Wilayah Persekutuan	810.00	-	210.00	-

Jadual 5: Parameter Perubatan dan Pendidikan

Bil.	Negeri	Perubatan (RM)		Pendidikan (RM)	
		Bandar	Luar Bandar	Bandar	Luar Bandar
1	Johor	60.00	60.00	190.00	190.00
2	Kedah	90.00	90.00	90.00	90.00
3	Melaka	-	-	-	-
4	Perak	179.60	79.60	180.00	180.00
5	Penang	85.00	-	150.00	-
6	Sabah	165.00	165.00	155.00	155.00
7	Selangor	60.00	30.00	120.00	100.00
9	Wilayah Persekutuan	210.00	-	130.00	-

Jadual 6: Perbezaan Kadar Had al-kifayah PZN seluruh Malaysia (Talib & Ahmad, n.d.)

Bil.	Negeri	Bandar (RM)	Luar Bandar (RM)
1.	Johor	1,745.00	1,645.00
2.	Pahang	2,146.00 (B) 1,746.00 (P)	Sama
3.	Melaka	1,440.00	Sama
4.	Perak	1,655.00 (B) 1,403.00 (P)	1,157.00(B) 959.00(P)
5.	Pulau Pinang	1,110.00 (B) 950.00 (P)	Sama
6.	Selangor	2,040.00 (B) 1,715.00 (P)	1,640.00 (B) 1,440.00 (P)
7.	Wilayah Persekutuan	2,070.00 (B) 2,020.00 (P)	Sama
8.	Kedah	960.00 (B) 815.00 (P)	Sama
9.	Sabah	1,850.00	1,455.00

(B): Berbayar, (P): Percuma

Kesimpulan

Rumusannya, penelitian kepustakaan dalam kajian ini telah menemukan bahawa para fuqaha telah membincangkan dengan terperinci berkenaan elemen had al-kifayah dalam kadar yang sepatutnya. Antaranya termasuklah pakaian, makanan dan minuman, tempat tinggal dan kelengkapan rumah, kuda, kitab, alat pertukangan dan kemahiran serta pernikahan. Namun begitu, dengan mengambilkira zaman sekarang dan mengikut kesesuaian yang terkini maka terdapat beberapa elemen yang perlu diberikan penekanan dalam melihat had kifayah yang

sesuai. Ini kerana elemen-elemen ini bukan lagi boleh dikategorikan sebagai kehendak tetapi ia adalah keperluan pada waktu sekarang. Antaranya ialah perawatan dan perubatan, Pendidikan di sekolah dan universiti, pengangkutan seperti kereta, alat komunikasi, peralatan computer dan laptop serta peralatan rumah.

Pengakuan

Projek ini dibiayai oleh Zakat Pulau Pinang (ZPP) di bawah geran penyelidikan bertajuk Kerangka Asas Penentuan Had Al-Kifayah Penduduk Pulau Pinang (100-IRMI/PRI 16/6/2 (001/2019)/4010411900) melalui Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Rujukan

- Abu Daud. (2009). *Sunan Abi Daud*. (S. Ash'asy Bin, Ed.). Beirut: Dar al-Risalah al-Alamiyyah.
- Al-Bal'amash. (n.d.). *Anasir al-Kifayah al-Mu'tabarah fi Tahdid al-Faqr wa Qadr ma Yu'tha al-Faqr min al-Zakat*. (Faisal bin Said, Ed.) (Jil 5 Bil). Majallah Jamiah al-Qasim al-Ilmiyyah li al-Ulum al-Syar'iyyah.
- Al-Fanjari, M. S. (2010). *al-Islam wa al-Tawazun al-Iqtisadi baina al-Afrad wa al-Dual* (Jil 1). Mesir: Wizarat al-Awqaf.
- Al-Kasani. (1986). *Badaie' al sanaie' fi Tartib al-Sharaie'*. (A. B. B. M. Bin Ahmad, Ed.). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Ramly. (1984). *Nihayah al-Muhtaj*. (Muhammad ibn Abi al-Abbas, Ed.). Beirut: Dar al-Fikr.
- Azman, A. R., Mansur, T., Abidin, Z., Nor, Z. M., Undang-, F. S., & Kifayah, D. H. (2017). Penentuan had kifayah zakat berdasarkan Maqasid Syariah. *Jurnal Sains Insani, Vol. 2 No.*, 48–53.
- Bernamea (2023, 19 Januari). Isu kemiskinan tegar, agenda utama KPND dalam bajet 2023. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/isu-kemiskinan-tegar-agenda-utama-kpnd-dalam-bajet-2023-402566>.
- Bhari, A., Sayin, B., Afandi Mat Rani, M., Saidon, R., Fadylawaty Syed Abdullah, S., & Solahuddin Bin Shahrudin, M. (2018). Had Kifayah (Zakat Poverty Line) in Malaysia: a Comparative Analysis. *Sci.Int.(Lahore)*, 30(1), 105–109. Retrieved from <http://www.kpwkm.gov.my/nkra/definisi>
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2001). *Research Methods in Education* (5th editio). Oxford: Routledge Falmer Publisher.
- Ibn Abd al-Bar. (1387). *al-Tamhid*. (Yusof Bin Abdullah Bin Muhammad, Ed.). al-Maghrib: Wizarah al-Awqaf wa al-Shuun al-Islamiyyah.
- Ibn Abidin. (1992). *Radd al-Muhtar ala al-Dur al-Mukhtar*. (Muhammad Amin Bin Omar, Ed.). Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Manzur. (1992). *Lisan al-Arab*. (Jamaluddin Muhammad Ibn Mukram, Ed.) (ke-2). Dar ehya al-Turath al-Arabi.
- Jabatan Zakat Wakaf dan Haji. (2007). *Manual Pengurusan Pengiraan Zakat (Ke-2)*. Kuala Lumpur: Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji.
- JAWHAR. (2007). *Manual Pengurusan Agihan Zakat* (1st ed.). Putrajaya: Matang Cipta Sdn Bhd.
- Muhammad, F., Awang, S. A., Mohd Hussin, M. Y., & Mohamed, A. M. T. (2017). Sorotan Perbezaan Had kifayah Perbelanjaan Keperluan Asasi dan Kesannya dalam Pengiraan Zakat Pendapatan. *Akademika*, 87(2), 89–103. <https://doi.org/10.17576/akad-2017-8702-07>
- Opir, A. (n.d.). Konsep Had al-Kifayah, 1–10.

- Rostam, K. (2006). Pemandangan Dan Perkembangan Wilayah Metropolitan Lanjutan Lembah Klang-Langat, Malaysia. *E-BANGI : Journal of Social Sciences and Humanities*, 1(1), 1–27.
- Salam, I. (n.d.). *al-Amwal*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Sulaiman, M., Ahmad, H., Irfan Ikmal Hisham, A., Md Nordin, N., Ramli, S., & Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan, P. (2017). Had Al-Kifayah sebagai Garis Pembeza antara Golongan Susah dan Senang dalam Sesebuah Masyarakat: Suatu Tinjauan Kritis. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 2(1), 34–44.
- Talib, A. R., & Ahmad, H. (n.d.). Penilaian Kelayakan Fakir Dan Miskin Berdasarkan Had Kifayah, 298–306.
- Uwais, A. H. (2004). *Musu'ah al-Fiqh al-Islami al-Mu'asir* (c. 1). mansurah mesir: Dar al-Wafa.